

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]

TARIKH : 2.4.2014

SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang telah menamatkan pendidikan mereka di Maktab Perguruan tetapi belum mendapat penempatan ke sekolah-sekolah Kerajaan dan perancangan Kementerian terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seramai 6,071 graduan Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) keluaran tahun 2013 yang telah lulus pengajian dan diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, sejumlah 1965 telah ditempatkan pada bulan Januari dan Februari, manakala 4106 ditempatkan pada 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperaku lantikan tetap oleh SPP.

Berdasarkan Pekeliling SPP Bilangan 2 Tahun 2013, mereka dibenarkan memohon semula selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan temu duga SPP dikeluarkan melalui Portal JobsMalaysia dan perlu bersaing secara sengit dengan graduan keluaran semasa untuk mengisi kekosongan jawatan yang terhad.